

- r) Untuk memproses permohonan pekerjaan dan pentadbiran sumber manusia seperti pemrosesan gaji, penilaian prestasi, latihan dan pembangunan, kesihatan dan keselamatan kakitangan.
- s) Untuk mentadbir program ganjaran kesetiaan pelanggan kami.
- t) Untuk apa-apa tujuan lain yang bersampingan dengan atau berlanjutan daripada Tujuan yang dinyatakan di atas.

Tambahan kepada Tujuan di atas dan tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan, subjek data bersetuju dan memberi kuasa kepada kami untuk mendedahkan maklumat kepada:

- a) Syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu kami.
- b) Pemegang-pemegang lesen, penganjur acara bersama, rakan-rakan kongsi perniagaan dan pemberi khidmat kami.
- c) Mana-mana orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak seperti yang diberitahu oleh subjek data.
- d) Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan pihak berkuasa penyeliaan, kerajaan atau pihak berkuasa yang lain yang berkaitan.
- e) Mana-mana bursa saham atau bursa derivatif, rumah penjelasan, depository sekuriti yang diluluskan oleh undang-undang yang berkaitan.
- f) Institusi kewangan, organisasi kad kredit, pengendali dompet elektronik/penyedia perkhidmatan pembayaran dan peniaga berhubung dengan transaksi komersial.
- g) Orang ramai secara amnya dengan menerbitkan perkara yang sama mengikut peraturan yang berkaitan atau apabila subjek data adalah pemenang dalam peraduan kami.
- h) Juruaudit, firma-firma professional atau entiti-entiti.
- i) Pihak yang berkaitan apabila pendedahan perlu untuk mencegah/mengesan/menyiasat sesuatu jenayah.
- j) Mana-mana orang lain yang kami bertindak dengan kepercayaan munasabah adalah sah untuk didedahkan.

Walaupun mana-mana pihak mungkin berada di luar Malaysia, untuk apa-apa Tujuan yang dinyatakan di atas atau apa-apa tujuan yang baginya data peribadi anda hendak dizahirkan pada masa pengumpulannya atau apa-apa tujuan lain yang berhubungan secara langsung dengan mana-mana Tujuan yang dinyatakan di atas atau jika pendedahan sedemikian diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang atau dengan perintah mahkamah.

## **7. Pemindahan Data Peribadi Luar Malaysia**

Kami mungkin memindahkan data peribadi ke luar Malaysia untuk memenuhi tujuan/pendedahan dalam Bahagian 6 di atas dan akan mengambil langkah yang perlu untuk mana-mana pihak ketiga terikat secara kontrak dalam melindungi data peribadi tersebut yang hanya boleh diproses di bawah arahan kami.